

PERATURAN PERMAINAN TARIK TALI LELAKI

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang-undang Permainan

1.1.1 Selain daripada peraturan yang terkandung, pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang Tarik Tali Malaysia (MTWF).

1.2 Perkara yang tidak dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am HESF 2023.

1.3 Kelayakan

1.3.1 Rujuk Perkara 3 Peraturan Am HESF 2023.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Kategori yang dipertandingkan

2.1.1 Lelaki

2.2 Pendaftaran dan Pembentukan pasukan

2.2.1 Setiap pasukan dibenarkan hanya mendaftar satu pasukan sahaja untuk mewakili institusi pengajian masing-masing. Pendaftaran bagi setiap pasukan adalah seramai 10 orang pemain, 2 orang pegawai dan 1 orang pegawai perubatan sahaja.

2.2.2 Setiap pasukan hendaklah mendaftar seramai 8 orang pemain untuk setiap perlawanan selewat-lewatnya 15 minit sebelum perlawanan yang dijadualkan berlangsung.

2.2.3 Semua perlawanan akan bermula pada masa yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal.

2.2.4 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dengan institusi pengajian berkenaan sahaja dibenarkan mengambil bahagian. Pasukan yang menurunkan pemain-pemain yang tidak didaftarkan/tidak layak akan dibatalkan penyertaannya dalam kejohanan ini dengan kemenangan diberi kepada pasukan lawannya dengan kiraan skor 3-0.

2.2.5 Bilangan pemain dan pegawai adalah seperti berikut:

SUKAN	ATLET	PEGAWAI	PEGAWAI PERUBATAN	JUMLAH
TARIK TALI	10	2	1	13

2.3 Referi Kehormat/ Ketua Pengadil/ Pengadil

2.3.1 Rujuk Perkara 6 Peraturan Am HESF 2023.

2.4 Sistem Pertandingan

2.4.1 Rujuk Perkara 9 Peraturan Am HESF 2023.

2.4.2 Peringkat Awal

2.4.2.1 Pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara liga satu pusingan dalam kumpulan masing-masing.

2.4.3 Peringkat Kalah Mati

2.4.3.1 Selepas pertandingan peringkat awal, 2 pasukan yang memperoleh mata terbanyak dalam kumpulan akan mara ke pusingan kalah mati.

2.4.3.2 Pertandingan kalah mati akan dijalankan mengikut format yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal Dan Pertandingan HESF 2023.

2.5 Cara Memutuskan Keputusan Perlawanan

2.5.1 Mata perlawanan akan diberikan seperti berikut:

2.5.1.1 Menang dua tarikan berturut-turut - 3 mata

2.5.1.2 Menang dua tarikan dalam tiga tarikan (*Rubber Set*) - 2 mata

2.5.1.3 Menang satu tarikan dalam tiga tarikan (*Rubber Set*) - 1 mata

2.5.1.4 Kalah kedua-dua tarikan pertama - 0 mata

2.6 Timbangan

2.6.1 Kiraan bagi menentukan berat pemain untuk timbang jenis digital yang mempunyai paparan perpuluhan.

2.6.2 Jika keputusan timbangan berat pemain ialah **80.5 KG dan ke bawah maka berat pemain tersebut dikira **80 KG**.**

2.6.3 Jika keputusan timbangan berat pemain ialah **80.6 KG dan ke atas maka berat pemain tersebut dikira **81 KG**.**

2.6.4 Pakaian semasa sesi timbangan bagi peserta lelaki mestilah sekurang-kurangnya seluar pendek atau jenis 'boxer', seluar tight dan seumpama dengannya.

2.7 Pakaian

2.7.1 Baju jersi / Seluar Bebas (menutup aurat).

2.7.2 Tidak Berkasut.

2.7.3 Tali pinggang keselamatan dipakai di bahagian luar jersi.

2.7.4 Pelapik Badan (Anchorman) yang dibenarkan (tidak melebihi ketebalan 5 cm).

2.8 Peserta/ Penarik

2.8.1 Jumlah peserta atau penarik dalam pertandingan adalah seramai **sepuluh (10) orang - lapan (8) orang penarik dan dua (2) orang simpanan.**

2.8.2 Hanya seorang Juruarah (Coacher) dan seorang Pembantu (membawa ubat dan minuman) sahaja dari setiap pasukan dibenarkan berada dalam gelanggang semasa pertandingan. Hanya Juruarah (Coacher) sahaja boleh memberi arahan kepada pasukannya dan juga menerima arahan daripada pengadil bagi pihak pasukan.

2.9 Berat

2.9.1 Lapan (8) orang penarik: 640kg (Tidak termasuk dua orang (2) simpanan).

2.10 Arahan Semasa Pertandingan

- 2.10.1 'Angkat Tali'.
- 2.10.2 'Tegang Tali'.
- 2.10.3 Lihat tangan pengadil diangkat 'Sedia'.
- 2.10.4 Sebutan pull serta tangan turun.
- 2.10.5 Wisel Panjang – Tarikan Tamat.
- 2.10.6 Wisel Berturut-turut – Tarikan Dibatalkan (tiada tarikan).

2.11 Kesalahan & Salahlaku Semasa Perlawanan

- 2.11.1 **DUDUK (SITTING)**: Duduk di atas tanah dengan sengaja berturut-turut atau terlalu lama atau gagal kembali kepada posisi menarik setelah tergelincir.
- 2.11.2 **MENYANDAR (LEANING)**: Mana-mana bahagian badan (selain dari tapak kasut / kaki) menyentuh tanah atau penarik lain.
- 2.11.3 **MENGUNCI (LOCKING)**: Tindakan pegangan / himpitan lengan atau tali yang boleh mencegah tali dari bergerak.
- 2.11.4 **MEMEGANG TALI (GRIP)**: Kedua-dua belah tapak tangan mestilah menghadap ke atas. Lain-lain cara pegangan adalah menjadi kesalahan.
- 2.11.5 **MENAHLAN (PROPPING)**: Memegang atau kedudukan tali yang tidak melalui di antara badan dan bahagian lengan atas.
- 2.11.6 **POSISI (POSITION)**: Keadaan duduk di atas kaki atau betis sendiri. Atau lutut / paha penarik di belakangnya atau kaki sendiri tidak melepas bahagian lutut.
- 2.11.7 **MEMANJAT TALI (CLIMBING THE ROPE)**: Memegang tali dengan cara membawa tangan satu persatu ke hadapan secara bergilir-gilir atau tangan melurut ke hadapan dari pegangan asal sedangkan kaki bergerak.
- 2.11.8 **MENDAYUNG (ROWING)**: Menarik tali secara duduk di atas tanah kemudian membawa kaki ke belakang dan dilakukan berturut-turut.
- 2.11.9 **MEMBUAT LUBANG (FOOTHOLES)**: Penarik-penarik tidak dibenarkan membuat lubang atau memacak tumit sebelum arahan 'Tegangkan Tali' diberi oleh Ketua Pengadil.
- 2.11.10 **POSISI (ANCHORMAN)**: Tali mestilah melalui bawah lengan kanan, ikut belakang, naik ke atas bahu kiri dan dikepit di bawah lengan kiri. Hujung tali dilepaskan bebas ke sebelah luar kiri. Kedua-dua tangan di hadapan badan adalah seperti lain-lain penarik.
- 2.11.11 **MELEPASKAN TALI**: Mana-mana pasukan yang bertanding dengan sengaja melepaskan tali yang boleh mengakibatkan pasukan lawan terjatuh atau risiko mengalami kecederaan atau kesakitan, pasukan yang melepaskan tali tersebut boleh dibatalkan penyertaan pertandingan keseluruhannya.
- 2.11.12 **TALI TIDAK BERGERAK (INACTIVITY)**: Kedua-dua pasukan tidak berusaha untuk menarik terus sehingga keadaan tali tidak bergerak dalam jangkamasa yang agak lama. Dalam keadaan ini, jika difikirkan perlu, pengadil boleh menghentikan tarikan pada bila-bila masa yang sesuai dengan

keputusan TIADA TARIKAN atau “No Pull”. Tarikan semula akan dibuat samada di landasan yang sama atau di landasan baru.

3. HADIAH

3.1 Rujuk Perkara 16 Pertauran Am HESF 2023.

3.2 Jumlah pingat yang ditawarkan:

ACARA	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
TARIK TALI LELAKI	1	10	1	10	1	10